

**Agong, Permaisuri Diberi Istiadat Sambutan Negara Kerajaan Vietnam
Bernama
6 Sept, 2013
Daripada Siti Aisyah Harun**

HANOI, 6 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah hari ini diberi istiadat sambutan negara di Istana Presiden oleh kerajaan Vietnam sempena lawatan empat hari Seri Paduka bermula Khamis.

Ketibaan Seri Paduka berdua disambut Presiden Vietnam Truong Tan Sang dan isteri Mai Thi Hanh di Istana di daerah Ba Dinh di sini disusuli perbarisan kawalan kehormat oleh 200 anggota Tentera Rakyat Vietnam.

Lagu Negaraku dan 'Tien Quan Ca' iaitu lagu kebangsaan Vietnam dimainkan sejurus ketibaan Seri Paduka berdua.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Tunku Laksamana Kedah Datuk Seri Diraja Tunku Abdul Hamid Thani Sultan Badlishah serta kedua-dua anakandanya Tunku Panglima Besar Kedah Tan Sri Tunku Puteri Intan Shafinaz dan Datuk Seri Diraja Tunku Soraya.

Seri Paduka turut diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom selaku menteri pengiring dan Duta Besar Malaysia ke Vietnam Datuk Azmil Mohd Zabidi.

Presiden Truong kemudian mengiringi Tuanku Abdul Halim untuk memperkenalkan orang kenamaan kerajaan Vietnam kepada Seri Paduka dan diikuti sesi memperkenalkan delegasi Diraja sebelum orang kenamaan Malaysia pula diperkenalkan oleh Ketua Protokol Wisma Putra Datuk Naimun Ashakli Mohammad kepada presiden itu.

Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah turut menyertai sesi bergambar bersama Presiden Truong dan isteri, serta beberapa delegasi utama lain diikuti menerima menghadap pemimpin tertinggi Vietnam itu dalam satu pertemuan ringkas.

Pertemuan setengah jam Tuanku Abdul Halim dan Presiden Truong adalah yang pertama sejak Seri Paduka ditabal pada 11 April tahun lepas.

Seri Paduka dan Presiden Truong antara lain membincangkan isu dua hala Malaysia-Vietnam dan usaha untuk meningkatkan jalinan kerjasama antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang sejak terjalin 40 tahun lepas.

Tuanku Abdul Halim kemudian berangkat ke ibu pejabat Parti Komunis Vietnam di sini untuk menerima menghadap Setiausaha Agung parti itu, Nguyen Phu Trong.

Ketibaan Seri Paduka yang diiringi Tunku Puteri Intan Shafinaz dan Jamil Khir serta orang kenamaan Malaysia di ibu pejabat parti itu disambut Nguyen dalam satu istiadat ringkas sebelum Tuanku Abdul Halim menerima menghadap setiausaha agung itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975674>

